

Kaedah ajar Sains, Matematik dalam bahasa Inggeris dinilai

UM 25 MAY 2002

KUALA LUMPUR 24 Mei — Kementerian Pendidikan memerlukan lebih banyak masa sebelum mengumumkan secara terperinci strategi yang akan diambilnya bagi melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat berkata, jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh beliau sedang membuat penilaian dalam semua aspek bagi memastikan dasar baru itu dapat dilaksanakan secara lancar.

“Saya setakat ini tidak bercadang membuat sebarang pengumuman mengenai perkara berkenaan, tunggulah apabila tiba masanya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perayaan Hari Guru Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2002 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah susulan yang dibuat oleh kementerian itu setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 10 Mei lalu mengumumkan hasrat untuk melaksanakan dasar baru pengajaran dua mata pelajaran itu menggunakan bahasa Inggeris.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad pada 13 Mei lalu berkata, jawatankuasa khas yang ditubuh oleh kementerian akan mengkaji kemungkinan memberi kursus bahasa Inggeris kepada graduan menganggur bagi membolehkan mereka diambil untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik.

Jawatankuasa itu juga, tambah Musa, sedang mengkaji sama ada akan melaksanakan dasar baru itu di sekolah kebangsaan sahaja atau

melibatkan juga sekolah jenis kebangsaan.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdul Rafie berkata, jumlah guru kaunseling yang berperanan memberi nasihat kepada murid yang lemah dalam pembelajaran akan ditambah di semua sekolah rendah.

“Kita ingin memastikan kelemahan murid terutama berhubung kemahiran-kemahiran asas seperti membaca dan menulis dapat di kesan pada peringkat awal.

“Ini akan membolehkan murid terbabit dihantar mengikuti kelas pemulihan sebelum mereka diterima masuk ke sekolah menengah,” jelasnya.

Pada majlis hari ini, Abdul Rafie telah menyampaikan pingat kepada lima Tokoh Guru Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2002 sebagai menghargai sumbangan mereka kepada pelajar.

Tokoh terbabit ialah bekas Pengarah Peperiksaan Malaysia, Datuk Abdul Rahim Abdul Hamid; bekas Ahli Jawatankuasa Pusat Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, James Gonzales dan bekas Pengetua Sekolah Menengah Puteri Ampang, Nik Rokiah Nik Mat.

Turut menerima pingat ialah Setiausaha Agung Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia, Abdul Manan Mohamed Noh dan Penyelaras Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Sekolah Kebangsaan Tun Dr. Ismail II, Zaharah Abdullah.